

"BAGAIMANAPUN, sesuatu yang unggul itu tidaklah berakhir sejak penubarannya sahaja. Ia perlu direalisasikan dijadikan kenyataan. Dalam proses tersebut itulah semua peringkat dan lapisan dalam struktur Majlis-majlis Perundungan, yang terdiri dari Lembaga Pengelolanya. Penasihat-penasihatnya dan jawatankuasa-jawatankuasa di peringkat kampung dan mukim hendaklah berusaha menjadikan cita-cita yang unggul itu sebagai kenyataan." - Titah sempena Majlis Perasmian Perhimpunan Majlis-majlis Perundungan Mukim dan Kampung Seluruh Negara pada 26 Mei 1996.

Pelita برunei دلیتا BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat



"DARI Abi Hurairah Radieelhuhanu dari Nabi Shallalahu Alaihi Wasallam bersabda: Ada tujuh golongan yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala di dalam naungan-Nya, iaitu pada Hari Kiamet, mereka itu ialah imam yang adil, pemuda yang hidup sejak kecil hingga matinya sentiasa beribadat kepada Allah Subhanahu Wata'ala." - Riwayat Al-Imam Al-Bukhari.

TAHUN 52 BILANGAN 32

RABU 8 OGOS 2007/1428 رابع 24 ربیع

DITERBITKAN PADA SETIAP HARI RABU

PERCUMA

Pendidikan sempurna mampu lahirkan belia matang

Oleh : Haji Ahat Haji Ismail
ahat.ismail@information.gov.bn

BERAKAS, Rabu, 1 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah menyatakan pendidikan sempurna mampu melahirkan belia matang, yang sentiasa bergiat untuk kebaikan dan menolak kemungkar.

Ini titah baginda, bersesuaian dengan maksud firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ali 'Imran ayat 104 : "Dan hendaklah ada di antara kamu satu golongan yang mengajak kepada kebaikan dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang mungkar (keji). Dan adapun mereka yang bersifat demikian itu, ialah orang-orang yang berjaya."

Baginda bertitah demikian sempena Hari Belia Kebangsaan di Stadium Tertutup Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, baginda menjelaskan, golongan yang kita harapkan lebih aktif untuk menggarap kebaikan dan menolak keburukan itu ialah golongan belia.

Mereka ini, titah baginda, mempunyai potensi serba istimewa, baik dari segi umur, fizikal, mahupun mental.

"Jika semua kelebihan-kelebihan ini digunakan dengan sewajarnya, maka sudah barang tentu masyarakat dan negara akan beruntung," titah baginda.

Dalam pada itu, baginda bertitah supaya jangan mengabaikan orang cerdik pandai, sekalipun para belia itu sedia memiliki kebolehan-kebolehan luar biasa, seperti kebolehan berfikir dan mencipta, namun belum tentu mereka juga mempunyai kebolehan menilai dalam segala perkara.

Baginda menambah titah bahawa ianya sama halnya, mereka memiliki

kebolehan melaksana, tetapi belum tentu mempunyai kebolehan menasihat.

"Ini perlu diambil ingatan oleh semua pihak, supaya sama-sama di dalam mufakat dan sama-sama berganding bahu antara golongan belia dan golongan yang lebih kaya dengan pengalaman," titah baginda.

Selanjutnya baginda bertitah menjelaskan bahawa jika wujud sikap yang seumpama ini, maka semua kita akan merasa terhormat dan tidak akan ada lagi satu individu pun yang menganggap diri mereka tidak dihargai.

Baginda bertitah menyatakan itulah pendekatan terbaik kita labelkan golongan belia sebagai golongan progresif dan aktif, di samping dalam pada itu,


ada pula golongan lain yang tidak diremehkan peranan mereka.

"Beta berharap, Negara Brunei Darussalam akan lebih gemilang dan berjaya dengan pendekatan yang indah ini. Hidup dan maju-lah belia dan maju kita semua," titah baginda.

Terdahulu dari itu, baginda bertitah menyatakan belia yang sihat dan bertanggungjawab akan terus memberi sumbangan dan meningkatkan pencapaian dan inilah yang dimahukan daripada belia supaya terus aktif dan membanting tulang demi kebaikan.

Dalam wadah pembangunan, para belia titah baginda, menjadi komponen terpenting di dalam apa saja usaha bagi kesejahteraan bersama.

Lihat muka 24



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Anugerah Pemimpin Belia Berjaya kepada Dato Paduka Awang Haji Yakub bin Haji Ahmad, Pengasas Persatuan Tiga Kampung Bersatu (TIBA). - Foto : Ampuan Haji Mahmood Ampuan Haji Tengah. (Lagi berita dan gambar-gambar dimuatkan di muka 1 Aneka, 12 dan 13 Induk).

ANTARA KANDUNGAN

Hasrat Negara :
Jika akidah sempurna :
Semua perkara salah
dan haram tidak
dilakukan

- Muka 2

Laporan Mesyuarat
Menteri-menteri Luar
ASEAN Ke-40
di Manila, Filipina

- Muka 3, 7, 21 & 22

Malam
Serumpun Seri 61

- Muka 4

Berangkat ke
Majlis Santap ABDB

- Muka 5

Tinjauan :
Pantai Danau :
Menjanjikan suasana
damai

- Muka 6

223 dikurniakan
Bintang-bintang
Kebesaran Negara
Brunei Darussalam

- Muka 8

Berangkat meninjau
mangsa bencana angin
kencang

- Muka 9

Sambutan Hari Belia
Kebangsaan

- Muka 12 & 13

Keluaran Khas Sempena
Sambutan Penubuhan
ASEAN Ke-40 Tahun

- Muka 14, 15, 16 & 17

Brunei DPMM FC
ungguli tempat ketiga
Liga Super 2006 - 2007

- Muka 23

TAHUKAH AWDA

HARI Belia Kebangsaan telah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena ulang tahun Hari Keputeraan baginda pada 15 Julai 2002 dan kali pertama diisytiharkan pada 1 Ogos 2006. Hari tersebut juga merupakan detik bersejarah baginda dipuspan ke-tika berusia 22 tahun.
- Sumber PELITA BRUNEI.

دُغْنَ نَامَ اللَّهُ يَعْمَلُهَا
فَمُورَهُ دَانَ مَهَا قِبَاعِ

Dari Sidang Pengarang

8 OGOS 2007 BERSAMAAN 1428 رجب

HIDUP DAN MAJULAH BELIA

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa bertitah merasmikan Hari Belia Kebangsaan pada 1 Ogos yang lalu melaikan belia sebagai golongan pemikir yang mampu memikirkan dan menciptakan 'perkara-perkara yang besar' yang dihajati masyarakat. Dengan reputasi yang mereka memiliki sudah cukup membayangkan betapa golongan sedemikian juga mampu untuk menjulang bangsa dan negara ke mercu kegemilangan.

Pengiktirafan ikhlas yang baginda berikan itu setentunya menjadikan para belia kita akan lebih responsif dan proaktif serta bersungguh-sungguh dalam memajukan Negara Brunei Darussalam dalam segenap bidang khususnya untuk sama-sama membantu kerajaan mempercepatkan pertumbuhan ekonomi.

Namun persoalan yang timbul sejauh mana golongan belia kitani memahami apa yang tersirat dan tersurat dalam titah baginda itu. Sejauh mana mereka telah bersedia untuk memikul tanggungjawab yang berat itu? Dan apakah golongan belia kita sudah bersedia untuk menyahut dan menahan bebanan yang dipikulkan kepada mereka? Perkara ini penting dilontarkan kerana mereka merupakan jelama yang diibaratkan sebagai 'Pemuda Harapan Bangsa Pemudi Tiang Negara'.

Slogan itu cukup menjelaskan tentang kewajipan mereka terhadap bangsa dan negara. Dari itu para belia sendiri seharusnya sedar mereka dipikulkan, memikul tanggungjawab yang cukup besar dalam kesinambungan pembangunan dan kemajuan negara di masa mendatang. Sebagai komponen yang terpenting, mereka harus menggunakan masa 'muda' remaja untuk terus aktif dan membanting tulang untuk kebaikan dan tidak harus mempersiasikan potensi muda itu kepada perkara-perkara yang tidak mendatangkan manfaat.

Perkara ini sejajar dengan titah baginda yang antara lain menitahkan:

"Dalam wadah pembangunan, para belia itu menjadi komponen terpenting di dalam apa saja usaha bagi kesejahteraan bersama. Para belia perlu menerima hakikat bahawa mereka adalah 'stakeholder' yang dinamik untuk survival bangsa dan negara."

Kita mahukan belia yang aktif. Kita perlukan belia yang progresif. Kita berkehendakkan belia yang tahan lasak, tahan tukul dan tidak mudah mengalah apatah lagi putus asa dalam melayari bahtera kehidupan. Dengan potensi yang serba istimewa dan kelebihan yang mereka miliki seperti mempunyai fizikal dan mental yang sihat serta kuat sudah setentu masyarakat dan negara akan beruntung.

Dengan peranan yang cukup besar, tanggungjawab yang semakin berat itu, sudah tiba masanya bagi para belia untuk bekerja lebih kuat dalam mengarah segenap tenaga untuk masa depan Negara Brunei Darussalam yang cemerlang. Golongan belia juga perlu memiliki azam yang kuat dan gigih serta ikhlas dalam menabur dan menyumbangkan bakti kepada bangsa dan masyarakat sesuai dengan tema Sambutan Hari Belia Kebangsaan 2007 'Iltizam Belia Memperkasa Keupayaan Bangsa'.

Di dalam harus perdana global masa kini, mereka harus mempunyai nilai-nilai jati diri orang-orang Brunei yang kuat berpegang kepada falsafah Melayu Islam Beraja (MIB), nilai-nilai luhur, jati diri yang kuat dan patriotik serta tidak mudah terpengaruh atau dipengaruhi oleh anasir-anasir yang sentiasa mengambil peluang untuk menghancurkan potensi dan masa depan yang mereka miliki.

Mereka perlu mengotakan janji mereka dalam 'ikrar belia' iaitu untuk mendukung kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta mempertahankan kedaulatan Negara Brunei Darussalam sebagai negara MIB. Justeru itu ramuan yang mesti ada mereka harus menumpukan taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada baginda serta sentiasa setia kepada negara.

Kita penuh optimis dengan ramuan-ramuan itu, kita lebih yakin bahawa masa depan Negara Brunei Darussalam yang kita cintai semua ini akan lebih gemilang dan berjaya. Masa depan negara sebenarnya banyak terletak di tangan golongan belia. Merakalah yang akan mewarnai dan mencorakkan kegemilangan yang kita hasratkan itu. Hidup dan majulah belia serta maju kita semua.



1. KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan anugerah kepada Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Setia Raja Dato Seri Paduka Haji Awang Mohd. Ali yang diterima oleh anak Yang Dimuliakan.

2. PERSATUAN BASMIDA dipilih bagi menerima Anugerah Persatuan Belia.

3. KEBERANGKATAN tiba Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Belia Kebangsaan.


4. BAGINDA berkenan mendengarkan sembah taklimat mengenai pameran salah sebuah pertubuhan yang menyertai pameran.

5. KEBAWAH DYMM berkenan menerima pesambahan dari salah sebuah persatuan.

6. BARISAN belia yang cergas, tahan lasak, gemilang dan terbilang akan menjadi pemimpin negara masa hadapan.

7. BELIA yang sihat dan bertanggungjawab akan terus memberi sumbangan kepada negara.

8. PERSEMBAHAN belia cergas, tahan lasak, gemilang dan terbilang antara tiga segmen dalam persembahan sambutan Hari Belia Kebangsaan yang disertai oleh 500 orang belia.



SAMBUT HARI BELIA KEBANGSAAN

BERAKAS, Rabu, 1 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Hari Belia Kebangsaan yang jatuh hari ini berlangsung di Stadium Terutup Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah.

Keberangkatan tiba baginda dijunjung oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejor Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad; Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Haji Jemal bin Haji Ampal; Timbalan Setiausaha Tetap dan Pengarah Belia dan Sukan.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim.

Sejurus keberangkatan tiba baginda, lagu kebangsaan dimainkan. Sambutan Hari Belia Kebangsaan pada tahun ini bertemakan 'Iltizam Belia Memperkasa Keupayaan Bangsa'. Sambutan Hari Belia Kebangsaan terbahagi kepada empat komponen iaitu ikrar belia, persembahan daripada belia, penganugerahan Pemimpin Belia Berjaya dan pameran.

Majlis Sambutan Belia Kebangsaan bermula dengan bacaan Surah Al-Faatihah dan Doa Selamat yang dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Tuan Iman Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal.

Kemudian diikuti dengan bacaan Ikrar Belia yang disampaikan oleh sekumpulan belia yang terdiri daripada penuntut-penuntut sekolah dan diketuai oleh Awang Haji Fahmie bin Awang Haji Metussin, johari Musabaqah Tilawatil Qur'an Belia Asia Tenggara 2003.

Selepas itu sembah aluan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah di Majlis Sambutan Hari Belia Kebangsaan.

Selepas itu, persembahan dalam bentuk pergerakan yang dibawakan oleh kumpulan belia dalam sektor sukan, ketahanan dan kebudayaan yang menunjukkan kecerdasan, kepastasan dan belia yang dinamik oleh seramai 500 orang para belia.

Acara kemudian sambutan Hari Belia Kebangsaan ialah penganugerahan kepada tiga buah kumpulan belia iaitu :



Lip...
ah...
F...
Ampuan H...

Pemimpin Belia mat Belia dan I...
oleh Kebawah D...

Sebaik sem...
ngurniaan anug...
meran berkena...
pameran sambu...
Kebangsaan ya...
kan aktiviti-akti...
sudut kepimpinan...
sukarelawan...
kemasyarakatan...

Setiap tarikh...

tahun adalah
pengiktirafan ke...
seterusnya baga...
dorongan dan...

pemimpin-pem...
khasnya serta b...
untuk terus me...
bangun mereka...

ngunan negara...
lalui agensi-ag...
ataupun swasta r...
sukarela sebagai...

1 Ogos juga...
tarikh sambutan...
bangsaan, yang...
isyitharkan ol...

DYMM Paduka...
Sultan dan Ya...
hawa setiap 1 O...
buah Hari Belia...



GAMBAR

HARI BELIA KEBANGSAAN






Editor : Haji Ahmad Haji Salim
Email : mad.salim@information.gov.bn
Photo : Halim Haji Sulaiman,
Haji Mahmood Ampuan Haji Tengah,
Haji Sahrin Haji Asmat

Berjasa,
Khid
Persatuan Belia
YMM.

purnanya pe
erah, Kebawah
menyaksikan
tan Hari Belia
ng mempamer
viti belia dari
n, keusahawan
kehadiran dan

1 Ogos setiap
sebagai satu
pada belia dan
memberikan
motivasi kepada
mpin belia
elia umumnya
berikan sum
dalam pembra
sama ada me
ensi kerajaan
nhupun secara
ai masyarakat
badan-badan

ga merupakan
Hari Belia Ke
mana telah di
eh Kebawah
Seri Baginda
ng Di-Pertuan
Darussalam ba
gos adalah se
Kebangsaan.



12. KEBAWAH DYMM, DYT M Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan YTM Paduka Seri Dul Pengiran Muda Haji 'Azim berkenan bergambar ramai ketika melawat pameran persatuan-persatuan.

13. SEBAHAGIAN para jempuan orang-orang kenamaan, perwakilan negara sahabat dan pegawai-pegawai yang turut hadir dalam Majlis Sambutan Hari Belia Kebangsaan.

14. BAGI memberkati majlis, doa selamat telah dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Tuhan Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid.

15. IKRAR Belia adalah salah satu komponen yang terkandung dalam sambutan Hari Belia Kebangsaan yang diketuai oleh Awang Haji Fahmie bin Awang Haji Metussin, johan qari Musabaqah Tilawatil Qur'an Belia Asia Tenggara 2003.

16. SEBAHAGIAN para belia yang mewakili persatuan-persatuan yang hadir dalam sambutan Hari Belia Kebangsaan.

TALIAN PENTING

Ambulans 991	Bomba & Penyelamat 995
Polis 993	Mencari & Menyelamat 998


PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN PENTING

Air 140	Unit Pengurusan Bencana Alam
Talian Kebajikan 141	2381874
Elektrik 144	2382143
Maklumat Penerangan 2331747	2382027
Pusat Mencari & Menyelamat (udara dan laut) 2332600	Selesesa Burung 8984777
	8985777

BILANGAN 32
RABU 8 OGOS 2007
1428 دی 24 ربیع
PERCUMA

Terima anugerah Pemimpin Belia Berjasa, Khidmat Belia

BERAKAS, Rabu, 1 Ogos. - Seramai enam orang pemimpin-pemimpin persatuan dan pertubuhan awam telah dianugerahkan Pemimpin Belia Berjasa dan Khidmat Belia sempena sambutan Hari Belia Kebangsaan tahun ini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat dan mengurniakan anugerah-anugerah tersebut di Stadium Tertutup Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah di sini.

Baginda mula-mula sekali mengurniakan anugerah kepada empat orang penerima anugerah Pemimpin Belia Berjasa iaitu Dato Paduka Awang Haji Yakub bin Haji Ahmad, pengasas Persatuan Tiga Kampong Bersatu (TIBA), Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Setia Raja Dato Seri Paduka Haji Awang Mohd. Ali bin Haji Awang Mohd. Daud, salah seorang pemimpin Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam, Datin Hajah Masni binti Haji Mohd. Ali, pemimpin yang aktif dalam pembangunan wanita dan pergerakan belia dan Datin Hajah Edah binti Haji Mohd. Noor, pemimpin pengasas Persatuan BISTARI.

Dua orang pemimpin pula dianugerahkan Khidmat Belia, mereka ialah Dayang Hafsa binti Awang Haji Abdul Halim yang bergerak aktif dalam pergerakan belia khususnya Persatuan Pandu Puteri di negara ini. Beliau pernah dilantik dalam beberapa jawatan penting, antaranya Pesuruhjaya Perhubungan dan Pesuruhjaya Antarabangsa selain menjadi Penyelaras kepada Tabung Bencana Alam dan Perikemanusiaan yang dikendalikan oleh Persatuan Pandu Puteri Negara Brunei Darussalam.

Juga menerima anugerah Khidmat Belia ialah Awang Ahanapi bin Haji Mahadi, pemimpin belia yang aktif dalam pergerakan belia di negara ini dan memegang jawatan dalam Persatuan Melayu Keriam (PESAKA) sebagai Yang Dipertua PESAKA. Di bawah kepimpinannya



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka-paduka anakanda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim berkenan mengabadikan gambar kenangan bersama para penerima anugerah Pemimpin Belia Berjasa, Pemimpin Khidmat Belia dan wakil dari penerima Anugerah Persatuan Belia.



BAGINDA berkenan mengurniakan anugerah Pemimpin Belia Berjasa kepada Datin Hajah Masni binti Haji Mohd. Ali.

Persatuan PESAKA telah menyerlah, dikenali di peringkat serantau dan antarabangsa.

Sementara itu lima buah persatuan terpilih bagi penerima anugerah Persatuan Belia iaitu Persatuan PESAKA. Persatuan ini ditubuhkan pada tahun 1960 dan aktif dalam bidang ekonomi dan kegiatan kebeliaan dan kemasyarakatan. Persatuan Membasmi Dadah (BASMIDA) pula merupakan persatuan yang bergiat aktif dalam pencegahan dan pemulihian penyalahgunaan dadah iaitu memeduli bekas-bekas penagih yang sudah bebas daripada dadah.

Persatuan PERTIWI adalah merupakan persatuan yang juga aktif dalam bidang perekonomian, di samping menganjurkan kegiatan kebeliaan dan kemasyarakatan, khususnya untuk kaum wanita dan persatuan ini ditubuhkan dalam tahun 1968.

Persatuan TIBA yang ditubuhkan dalam tahun 1962. Sepanjang pernubuhannya persatuan ini telah berjaya mengusahakan stesen minyak, pengangkutan bas dan kedai runcit. Persatuan ini juga pernah dianugerahkan Belia ASEAN dalam tahun 2004 dan anugerah Persatuan Belia Cemerlang dalam Kategori Ekonomi pada tahun 2004 oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Persatuan Kampong Tanjong Maya (PERTAMA), adalah merupakan persatuan yang juga bergiat aktif dalam bidang ekonomi iaitu meng-usahakan pengangkutan bas, bas sekolah dan kedai koperasi. Sebagai pengiktirafan kejayaan dalam bidang ekonomi, persatuan ini telah menerima Anugerah Belia ASEAN 2005 dan Anugerah Persatuan Belia Cemerlang bagi Kategori Pengurusan 2004.

Belia yang merupakan aset terpenting negara. Hari ini belia memainkan peranan penting dalam memajukan bangsa dan negara. Pengorbanan para belia dalam mengangkat martabat bangsa dan negara tidak boleh dipandang ringan, justeru hari ini persembahan para belia seramai 500 orang digambarkan melalui tiga segmen.

Segmen pertama : Mengandungi belia kreatif, belia yang berkebolehan, berdaya cipta dan berjaya melaksanakan sesuatu.

Segmen kedua : Belia pahlawan / tonggak negara. Belia yang sanggup berkorban demi agama, bangsa dan negara.

Segmen terakhir : Memaparkan belia cemerlang. Belia yang berjaya, figuratif atau aktif dan cergas, sangat baik, tahan lasak, gemilang dan terbilang.

Oleh :
Haji Ahmad Haji Salim
ahmad.salim@information.gov.bn
Foto : Ampuan Haji Mahmood
Ampuan Haji Tengah,
Haji Sahrin Haji Asmat

Selepas itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan pula menyaksikan pameran sempena Hari Belia Kebangsaan.

Pameran yang disertai beberapa buah pertubuhan dan persatuan lama dan baru yang memperkenalkan aktiviti-aktiviti belia dari sudut kepimpinan, keusahawanan, sukarelawan, kemahiran dan kemasyarakatan melalui gambar-gambar. Turut terlibat dalam pameran itu ialah kumpulan belia daripada pihak kerajaan dan swasta serta juga badan bukan badan kerajaan.

Lagi berita dan gambar-gambar di muka 12 & 13 INDUK



REMAJA

BELIA KITANI

PADA setiap 1 Ogos warga belia di negara kita akan meraikannya sebagai pengiktirafan sumbangan dan peranan mereka terhadap perkembangan dan kemajuan negara tercinta. Minggu lepas buat kali keduanya Sambutan Hari Belia Kebangsaan disambut dengan meriahnya. Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, jelas memberikan isyarat penting betapa pemedulian baginda untuk melihat generasi belia di negara kita ini adalah penting dalam apa keadaan jua sekalipun. Sumbangan dan peranan belia dalam sama-sama menunaikan tanggungjawab bermasyarakat dan bernegara adalah suatu perkara yang tidak boleh diketepikan begitu sahaja, justeru 1 Ogos adalah merupakan tarikh penting sebagai suatu yang istimewa bagi mereka. Dalam titah baginda di hari Belia Kebangsaan tahun ini baginda menekankan betapa dalam wadah pembangunan, para belia itu menjadi komponen terpenting di dalam apa saja usaha bagi kesejahteraan bersama. Para belia perlu menerima hakikat bahawa mereka adalah 'stakeholders' yang dinamik untuk survival bangsa dan negara.

PENGIKTIRAFAN

Pengisytiharan Hari Belia Kebangsaan ini adalah amat bertepatan di saat kita sedang menggembangkan tenaga untuk menumpukan perhatian agar setiap belia yang ada di negara kita ini benar-benar menjadi aset yang amat berguna. Kedudukan dan status golongan belia di negara kita amat strategik, kerana jumlah mereka yang menjalani bumi tercinta Brunei Darussalam ini adalah melebihi separuh dari jumlah penduduk yang ada. Kerana itu tidak pernah hentinya generasi belia itu dilihat sebagai aset negara yang sangat penting. Mereka adalah merupakan harta yang amat berharga.

Kualiti yang mereka miliki adalah menjadi sukat-sukat sejauh mana nanti kita mampu bergerak sebagai sebuah masyarakat yang maju ke hadapan dan tidak mudah terjejas dengan sebarang ancaman yang dianggap boleh melumpuhkan pertumbuhan dan kemajuan belia itu sendiri. Apabila belia dianggap sebagai aset penting, maka adalah bertepatan jika setiap kita menjuruskan perhatian yang serius dalam memedali pertumbuhan mereka. Kita tidak mahu melihat bahawa generasi yang baru tumbuh ini akan layu di tengah jalan. Hal ini bukan sahaja akan merosak kehidupan mereka akan tetapi ia juga akan mengakibatkan kerugian besar negara. Kita tidak boleh mengambil ringan mengenai

OLEH : H. A. MANAP

dengan pertumbuhan generasi belia ini. Sejarah telah membuktikan, pertumbuhan dan perkembangan generasi belia kita dulunya, lebih banyak tertumpu kepada kegiatan berpersatuan sehingga kita mampu melahirkan generasi yang berdisiplin tinggi. Namun sebaik kita mula terdedah dengan perubahan zaman dan keadaan persekitaran yang mencabar, maka banyaklah perkara yang menjadikan mereka jauh dari berpersatuan.

KOMITMEN

Nilai kuat berpersatuan adalah sangat baik dijadikan budaya berbelia. Kerana melalui proses sedemikian ini kita boleh mewujudkan generasi belia yang aktif, dinamik dan juga berilmu. Melalui kegiatan berpersatuan kita akan melahirkan generasi kuat dan teguh pendirian. Ini juga akan mampu melahirkan barisan yang kukuh dan tidak mudah tercemar oleh gejala dan hasutan yang merosak kehidupan mereka. Justeru ingatan dari pimpinan tertinggi negara kita tidak boleh diabaikan begitu sahaja, ilmu pengetahuan menjadi isu penting dalam membentuk generasi yang boleh berperanan sebagai ejen pencorak kemajuan. Justeru belia yang berkualiti ialah belia yang memiliki akhlak mulia dan berilmu tinggi. Matlamat untuk melahirkan generasi yang berakhlak mulia adalah merupakan agenda penting yang mesti ditangani oleh semua pihak.

Laluan yang akan dilalui bukan merupakan jalan pintas. Kita akan terpaksa meredah laluan yang berliku dan mencabar. Namun kita masih tetap berada dalam kalangan masyarakat yang amat beruntung. Keberuntungan ini ialah kerana pegangan hidup, cara dan budaya yang kita miliki. Kehidupan beragama yang kuat, dasar kehidupan bernegara Melayu Islam Beraja dan kebudayaan kita merupakan teras yang dapat membantu mendukung dalam mewujudkan generasi belia yang berakhlak mulia.

DINAMIK DAN PROAKTIF

Pada waktu yang sama membina generasi belia yang dinamik dan proaktif juga memainkan peranan penting dalam arus perkembangan dan kemajuan masa kini. Menjadi warga dinamik dan proaktif merupakan aset yang akan menyumbang ke arah mengembangkan kemajuan dan membina tamadun berbangsa yang berkualiti tinggi. Keperluan untuk menjadi masyarakat yang dinamik adalah penting dalam era membina tamadun yang tinggi. Kita memerlukan masyarakat yang dinamik yang mencakupi daya fikir, pengurusan, kecekapan, kemahiran dan daya kreativiti yang tinggi. Ketangkasan ini diyakini akan membantu dalam kita menggerakkan program atau rencana pembangunan yang diaturkan. Dalam zaman di mana kita sudah semakin terdedah kepada dunia luar, apakah lagi dengan adanya kemudahan masa kini menjadikan kita lebih dekat kepada betapa pentingnya menjadi bangsa yang dinamik. Bangsa yang dinamik perlu kepada ilmu pengetahuan yang tinggi dan ilmu menjadi pandu arah yang akan menentukan tahap dan kualiti yang akan boleh kita capai. Menimba ilmu pengetahuan dengan sebanyaknya hanya dapat digiatkan dalam usia belia ini, usia yang tahan dan mudah pula memahami keilmuan perlu dimanfaatkan dengan sebanyak mungkin. Maknanya usia para belia perlu digunakan untuk membentuk kualiti diri. Kualiti yang akan menjadi modal dan aset untuk melangkah dewasa. Jika belia memiliki nilai dan kualiti yang tinggi maka lahirlah generasi pewaris yang kukuh dan mantap.

Jika sebaliknya kita tidak akan dapat melahirkan kualiti generasi yang berkesinambungan yang akan mewarisi kepimpinan masyarakat dan negara di masa hadapan. Maknanya usia belia mesti dijadikan 'platform' yang akan membantu ke arah membina suatu bangsa yang maju ke hadapan dengan cemerlangnya.

BERILMU

Sudah sampai masa dan ketikanya untuk kita mengajak lebih ramai generasi belia yang ber-

ilmu dan berpengetahuan tinggi untuk kembali menggerakkan 'momentum' kemajuan negara dengan memainkan peranan yang lebih besar. Generasi belia juga patut melihat kemampuan dan keupayaan mereka, kerana apa yang ada pada mereka adalah modal yang boleh dijadikan sebagai proses pembinaan yang lebih konstruktif dan produktif. Pengembangan tenaga kalangan generasi belia yang berilmu kini bukan lagi menjadikan suatu yang tidak penting, malahan ia perlu dilihat sebagai asas pembinaan diri dan masyarakat belia yang lebih dihormati. Sebaik sahaja pengisytiharan 1 Ogos sebagai Hari Belia Kebangsaan, setiap diri belia yang ada di negara kita ini perlu merapatkan barisan dan mempersiapkan diri. Masing-masing diri setiap belia harus melihat sekarang sebagai suatu kewajipan bersama untuk mewujudkan sebuah kelompok masyarakat belia yang dihormati dan disegani. Kita tidak boleh lagi menjadi penonton suasana, malahan generasi belia perlu menjadi 'player' dan penyumbang kepada setiap pergolakan dan perubahan sekeliling yang berlaku. Di saat segalanya mahu dilakukan generasi belia kita juga tidak boleh lari dari tanggungjawab bernegara yang patut dijadikan sebagai sukat-sukat untuk membina tamadun belia yang berwibawa ini. Kewajipan terhadap raja, negara dan agama tercinta harus dijadikan sebagai resipi yang akan membantu mewujudkan keinginan yang murni melahirkan generasi yang teguh, kental dan gagah mendepani masa depannya.

Biarlah belia yang akan lahir di bumi Brunei Darussalam ini sebagai kelompok masyarakat belia yang disegani kerana berilmu dan berpengetahuan tinggi. Mahir berperanan dan mampu ke hadapan dengan lebih bertenaga dan mampu berdaya saing. Daya saing yang tinggi inilah nanti akan dijadikan sebagai aset besar negara untuk menjadikan generasi belia itu sebagai generasi pewaris kepimpinan bangsa. Maknanya kita mempunyai pertaruhan yang besar, iaitu generasi belia hari ini adalah cermin bangsa dan negara di masa depan. Bijak kita dalam mencalak dan mencorakkan mereka, maka manis dan indahlah hasil yang akan kita perolehi.